KERJA RUMAH 10

Tarikh: Masa:

A. *Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.* SP5.2.1

menguis-nguis	meronta-ronta	bebenang	sayup-sayup
terkial-kial	kekabu	awan-gemawan	rempah-ratus

1 Puan Irma menggunakan _____ untuk melazatkan masakannya.

2 Skru ini tidak boleh digunakan lagi kerana _____nya sudah haus.

3 Bunyi kokokan ayam jantan _____ kedengaran.

4 Budak itu tunduk sahaja apabila ditegur oleh Pak Akil sambil kaki kanannya _____ tanah.

5 Adik _____ mengikat tali kasutnya yang terlucut itu.

6 _____ kelihatan hitam sebaik-baik sahaja kami tiba di tapak perkhemahan itu.

7 Anak kambing itu _____ untuk melepaskan diri daripada ikatan.

8 Bantal itu koyak dan _____nya bertaburan di atas lantai.

B. *Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat* **satu kesalahan bahasa**. **Gariskan kesalahan bahasa** *tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1 Badrul nyaris nyaris tergelincir semasa melalui titi itu.

_____

2 Kehidupan Puan Zaharah sekeluarga amat senang-lenang sejak suaminya dinaikkan pangkat.

_____

3 Kartina pulang ke kampung seolah-olah untuk menziarahi ibu saudaranya yang sedang sakit.

_____

4 Perompak itu menjeling-jeling di dalam semak untuk mencari jalan keluar apabila beberapa orang kampung cuba menangkapnya.

_____

5 Rita menyapu dedaun-dedaun kering di halaman rumah neneknya.

_____

6 Puan Sabrina dan anaknya saling berdakap-dakapan sambil menangis sebelum berpisah.

_____

7 Peserta bengkel penulisan itu bertukar tukar fikiran bagi menyiapkan tugasan untuk dibentangkan pada akhir kursus nanti.

_____

8 Para petani-petani di kawasan itu akan diberi bantuan pinjaman oleh kerajaan.

_____

[16 *markah*]

LIVEWORKSHEETS